

DATE: 24/9 / 2008

Pak Lah utama demokrasi

Sentiasa beri peluang ahli akar umbi bersuara: Azalina

Oleh Nazura Ngah
dan S Anand Kumar
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Azalina Othman Said, menyifatkan Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pemimpin yang mementingkan amalan demokrasi apabila sering memberi peluang kepada akar umbi dan pemimpin parti untuk memberi pandangan masing-masing.

Beliau yang juga Menteri Pelancongan berkata, ahli di peringkat akar umbi dan pemimpin Umno perlu menghormati perkara itu dan tidak seharusnya mengambil kesempatan untuk mengeluarkan sebarang kenyataan yang boleh menjejaskan keharmonian parti.

"Kita perlu berusaha me-



“Dalam keadaan sekarang, kita perlu bersatu dan membantu pemimpin memantapkan Umno”

Azalina Othman
Said
Ahli MT Umno

mastikan Umno terus kukuh dan bersatu. Dalam keadaan sekarang, jangan kita menukarkan keadaan sebaliknya bersatu dan membantu pemimpin kita dalam usaha memantapkan Umno,” katanya selepas melancarkan kempen pengiklanan dalam talian bertujuan mempromosikan Malaysia secara global di sini, semalam.

Beliau mengulas gesaan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno supaya semua pemimpin dan ahli akar umbi parti berusaha memastikan parti berada dalam keadaan kukuh dan bersatu, menjelang peralihan kuasa kepada timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata beliau yakin ahli akar umbi parti mempunyai kekuatan dan semangat bagi

memastikan perjuangan mereka dalam Umno sentiasa diutamakan daripada pertimbangan lain.

Ahli MT Umno, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad meminta pemimpin dan ahli akar umbi memberi tumpuan terhadap usaha menguatkan parti secara keseluruhan dan bukan terhadap pemimpin tertentu dalam parti.

“Parti orang Melayu berpecah, ada Melayu Umno, Melayu Pas dan Melayu Parti Keadilan Rakyat (PKR). Dalam keadaan sekarang adakah kita mahu menguatkan parti atau pemimpin,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Menteri Umno, Datuk Noraini Ahmad menyambut baik permintaan Perdana Menteri kerana untuk memastikan parti terus dipandang tinggi di negara ini.

BH - 24/9/2008